

Kerajaan Pulau Pinang akan saman Kedah

Mac 25, 2021 @ 2:16pm



Ketua Menteri Pulau Pinang yang juga Pengerusi DAP, Chow Kon Yeow

GEORGETOWN: Pulau Pinang akan mengambil tindakan undang-undang, sekiranya kerajaan Kedah melaksanakan projek pembangunan yang boleh mengancam bekalan air negeri ini.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow, berkata kerajaan negeri juga akan mengusulkan bantahan rasmi kepada Kerajaan Persekutuan untuk dibahaskan di Parlimen, berhubung projek yang dilaksanakan Kedah.

Beliau menegaskan, sejak 1973, Pulau Pinang secara sah mengabstrak air mentah dari Sungai Muda tanpa membayar kepada negeri itu kerana tidak ada alasan perundangan bagi pembayaran berkenaan.

"Negeri ini juga tidak pernah menandatangani sebarang perjanjian, perjanjian persefahaman (MoU) atau kontrak untuk membayar kepada Kedah.

"Sekiranya Menteri Besar Kedah (Muhammad Sanusi Md Nor) berpendapat beliau sewenang-wenangnya dapat melaksanakan projek di Kedah yang secara langsung mengancam bekalan air di Pulau Pinang, beliau silap.

"Kita akan bertindak segera untuk menghentikannya serta-merta jika projek beliau memberi kesan buruk kepada Pulau Pinang.

"Bahkan kita juga mungkin akan saman beliau atas kos dan kerosakan sekiranya projeknya menimbulkan penderitaan kepada penduduk Pulau Pinang dan kerugian kepada perniagaan yang beroperasi di negeri ini," katanya menerusi kenyataan, hari ini.

Semalam, Kerajaan Negeri Kedah mengumumkan projek Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) untuk menakung air di beberapa kawasan Sungai Muda yang berkemungkinan boleh menyebabkan bahagian selatan sungai kering dan menjejaskan Pulau Pinang.

Muhammad Sanusi dilaporkan berkata, projek itu akan memastikan Kedah mempunyai bekalan air mencukupi sepanjang musim kemarau kerana akan menstabilkan permukaan air Sungai Muda. Kon Yeow berkata, mana-mana projek 'baharu' Sungai Muda, Kedah di hulu muka sauk Lahar Tiang Pulau Pinang, mesti mematuhi semua undang-undang yang berkaitan.

"Projek sedemikian tidak boleh memberi kesan buruk atau menjejaskan perkhidmatan bekalan air kepada 1.776 juta orang di Pulau Pinang.

"Semua skim berkaitan air yang dicadangkan Menteri Besar Kedah juga tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan.

"Berkemungkinan Kedah juga mungkin memerlukan dana Persekutuan dalam bentuk pinjaman atau geran bagi melaksanakan projek berkaitan air. Oleh itu, Menteri Besar Kedah boleh mencadangkan tetapi Kerajaan Persekutuan dan undang-undang negara boleh melupuskannya," katanya.

Tambahnya, kerajaan negeri akan terus menegakkan hak riparian Pulau Pinang untuk mengabstrak air mentah tanpa caj dari sungai yang mengalir melalui wilayah negeri ini.

"Kita yakin Kedah tidak mempunyai hak dari sudut perundangan untuk menuntut apa-apa pembayaran. Inilah sebabnya mengapa kita bersedia untuk berjumpa mereka di mahkamah," katanya.